

03/11/2003

Peralihan kuasa petanda baik: Najib

PEKAN: Keunikan proses peralihan kuasa kepemimpinan negara yang berlaku secara harmoni pada Jumaat lalu membuktikan kematangan rakyat Malaysia dan

ahli Umno yang menerima kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ia terbukti kerana setakat ini tidak ada unsur menular atau bergerak di mana-mana peringkat untuk melemah atau menjatuhkan pimpinan baru negara, sekali gus membuktikan Umno turut menerima Abdullah sebagai pemangku presiden parti.

Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Razak, berkata ia adalah petanda baik kepada Umno untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang dengan perpaduan yang kukuh.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan, berkata semua ahli Umno dan anggota Majlis Tertinggi (MT), termasuk Naib Presiden parti sudah membuat perakuan untuk mempertahankan pucuk pimpinan baru kerajaan dan parti.

Malah, mereka akan mematuhi nasihat Tun Dr Mahathir Mohamad supaya menjaga parti sebaiknya.

"Peralihan kuasa ini tidak menimbulkan sebarang masalah. Semua pemimpin, terutama pada peringkat MT sudah beri pengakuan menyokong penuh kepemimpinan Pak Lah.

"Saya yakin keadaan sekarang akan kekal terutama kita sedang menjurus pilihan raya umum tidak lama lagi.

"Kita perlu akur nasihat Dr Mahathir supaya menjaga parti sebaiknya. Jika individu berjaya, ini tidak bermakna perjuangan berjaya kerana perjuangan akan berjaya kalau parti berjaya," katanya selepas majlis berbuka puasa bersama penduduk Felcra Kampung Seri Makmur, dekat sini, malam kelmarin.

Najib berkata, peralihan kuasa yang berlaku dengan teratur juga memberikan imej positif kepada kestabilan politik negara.

Beliau berkata, ia juga bukti persiapan yang dibuat bermula pengumuman Dr Mahathir mahu meletakkan jawatannya 16 bulan lalu berjalan lancar.